

19 JUL 2001
MAHATHIR-RENONG
KER TIDAK TOLAK BELI RENONG

PUTRAJAYA, 19 Julai (Bernama) -- Kerajaan tidak menolak kemungkinan mengambil alih konglomerat yang dibebani hutang, Renong Bhd, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

"Saya tidak tahu... saya tidak sepatutnya bercakap mengenai ini kerana ini membabitkan pasaran. Saya tidak tahu apa sedang berlaku," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara ke-11 di pejabatnya di sini.

Katanya kerajaan sedang mencari penyelesaian kepada masalah Renong dan satu keputusan boleh dijangkakan bila-bola masa tidak lama lagi.

Mengenai laporan berita yang kerajaan akan mengambil alih Renong, Dr Mahathir berkata kaunter itu telah digantung sementara daripada urusan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

"Ia mungkin kerana sesuatu sedang berlaku jika tidak mereka tidak akan lakukan demikian," katanya merujuk kepada penggantungan sementara kaunter itu.

Ditanya sama ada Danaharta akan mengambil alih Renong, Dr Mahathir berkata apa juga mungkin tetapi beliau tidak memberitahu butiran terperinci mengenai hutang sebanyak RM13 bilion yang ditanggung oleh Renong.

"Jika orang mahu berbuat sesuatu mengenai ini, teruskanlah... jika ia menguntungkan kepada kerajaan, seronok juga," katanya.

"Bila awak bercakap mengenai hutang, awak terpaksa bercakap juga mengenai aset. Sekiranya hutangnya mengatasi aset, maka adalah bodoh membeli. Tetapi jika aset di bawah nilai.. jika awak boleh siarkan nilai aset, maka adalah berbaloi," jelas beliau.

Dr Mahathir juga berkata banyak syarikat di pasaran saham di bawah nilai.

Katanya memandangkan Renong terbabit dalam banyak projek berkaitan awam, adalah mungkin bagi kerajaan memiliki kumpulan itu bagi kepentingan awam.

Ditanya sekiranya pihak berkuasa membenarkan individu-individu lain memiliki Renong, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak dapat menyekat mereka yang berminat dan berharap bahawa ia merupakan kedudukan sama-sama untung.

Tan Sri Halim Saad, sorang akauntan profesional, kini menguasai Renong.

Perdana menteri berkata masalah kewangan di Renong telah menarik turun pasaran saham dengan amat teruk.

Katanya jika kaunter itu dikeluarkan daripada pasaran saham, "ia mungkin berbuat sesuatu untuk membantu BSKL."

Berita mengenai cadangan pemilikan kerajaan ke atas Renong disambut baik oleh pasaran saham tempatan. Indeks Komposit BSKL yang diperhati dengan teliti, yang dibuka 0.89 mata lebih tinggi pada 648.61 pagi ini, melonjak seterusnya sebanyak 4.46 mata kepada 652.18 pada waktu makan tengah hari.

Seorang penganalisis, apabila dihubungi, berkata cadangan itu patut diwujudkan lebih awal lagi.

Halim kini secara efektif memiliki 16.5 peratus daripada Renong dan ii membolehkan beliau menguasai secara efektif sembilan syarikat tersenarai lain melalui satu jaringan pegangan saham silang yang halus. Pada satu ketika, aset Renong mewakili pelaburan UMNO atau Petubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu.

Sementara itu, pengarah urusan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd Datuk Azman Yahya, akan terus memegang jawatannya dan tidak akan mengetuai Renong

atau United Engineers Malaysia Bhd (UEM).

Seorang jurucakap rasmi daripada Danaharta berkata, "Kami mengesahkan bahawa Datuk Azman Yahya tidak akan mengetuai Renong atau UEM (United Engineers Bhd)."

Beberapa akhbar tempatan hari ini membuat spekulasi bahawa Azman akan melepaskan jawatannya sebagai pengarah urusan Danaharta dan akan menggantikan Halim sebagai ketua pasukan pengurusan baru di Renong berikutan pengambilalihan kumpulan itu oleh kerajaan. -- BERNAMA

SR/MSL/MR SHY